

Graduan lestari hasil sinergi KPT, institusi dan industri

Oleh Sinar Harian - 06 April 2026 @12:00pm

Sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12), kadar bekerja graduan di Malaysia menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dengan trend positif sejak 2021. Kadar tersebut meningkat daripada 85.2% pada 2021 kepada 91.1% pada 2022, sedikit menurun kepada 90.9% pada 2023 sebelum melonjak semula kepada 92.5% pada 2024, manakala data bagi 2025 masih dalam proses dimuktamadkan. Perkembangan ini mencerminkan keupayaan graduan institusi pendidikan tinggi untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa pasaran kerja yang semakin mencabar.



Anesee (kiri) beramah mesra bersama usahawan muda dan peserta pameran dalam lawatan rasmi beliau.

Menurut Anesee Ibrahim, kejayaan ini adalah hasil kerjasama erat antara Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, institusi pendidikan tinggi dan pihak industri. Hubungan strategik ini, bersama usaha berterusan mengemas kini kurikulum agar relevan dengan kehendak pasaran, menjadi faktor utama peningkatan kebolehpasaran graduan. Melalui kolaborasi ini, graduan lebih bersedia memenuhi keperluan industri sekali gus meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian.

